

# KOFI ANNAN JUMPA MAHATHIR

Oleh: WARTAWAN ERA BARU

**BEKAS** Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan yang melawat Kuala Lumpur untuk memberi ceramah di **Khazanah Merdeka** baru-baru ini telah sempat meluangkan masa selama setengah jam untuk membuat *courtesy call* ke atas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di **Petronas Tower**. Kofi Annan memegang jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selama sepuluh tahun.

Ketika menjawat jawatan tersebut beliau telah menghadapi pelbagai masalah terutamanya bersabit dengan isu Iraq yang diceroboh oleh Amerika Syarikat di bawah Presiden George W. Bush di atas dakwaan bahawa Presiden Saddam Hussein mempunyai senjata pemusnah.

Difahamkan pertemuan empat mata di antara Tun Dr Mahathir dengan Kofi Annan berkisar kepada terutamanya perang di Iraq dan Palestin. Kofi Annan sudah tentunya tidak lupa kepada ketegasan dan kritikan keras Dr Mahathir terhadap Presiden Bush yang tidak mempedulikan bantahan demi bantahan dunia terhadap keputusannya mencerooboh Iraq.

Pada suatu ketika Dr Mahathir yang ketika itu menjadi Perdana Menteri Malaysia, pernah menyaran supaya Kofi Annan meletakkan jawatan kerana tidak berpuas hati dengan peranan beliau di masa itu kerana tidak tegas dan mengikut sahaja telunjuk Amerika Syarikat. Semasa berada di Kuala Lumpur, Kofi Annan juga telah menemui Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk bertukar-tukar pendapat dalam banyak isu dunia.



Kofi Annan bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ketika mengunjungi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di pejabat Tun di *Petronas Tower* baru-baru ini.